UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

# INFO AKADEMIK

*EDISI KEDUA*

2021/2022

## *PENGECUALIAN KURSUS*
## & PEMINDAHAN KREDIT

**FAKULTI**
# PERTANIAN
*FACULTY OF AGRICULTURE*

## 1.0 KONSEP PENGECUALIAN DAN PEMINDAHAN KREDIT

A. Pengecualian :

Pengecualian ini melibatkan pelajar lepasan ASPER ke Bacelor. Perlu menggantikan kursus yang diberi pengecualian.

Pelajar ASPER diberi pengecualian kursus PRT2009 Pertanian dan kEHIDUPAN tetapi bukan sebagai pemindahan kredit mulai ambilan pelajar sesi 2017/2018. Pelajar perlu menggantikan kredit dengan kursus yang lain (Minit Senat UPM ke 639 pada 12 Oktober 2017).

B. Pindahan kredit terbahagi kepada dua iaitu :

1. **Pindah Kredit secara Vertical**:
   Pindahan ini melibatkan pelajar lepasan Diploma ke Bacelor. Berlakunya Pindah Kredit (Jam) sahaja, manakala Gred tidak dipindahkan.

   Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduat tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilaian Gred (PNG) atau Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) pelajar. (Cth PRT2008, kursus Kokurikulum, SKP2203, SKP2204).

2. **Pindah Kredit secara Horizontal:**
   Pindahan ini melibatkan pelajar yang sedang dalam peringkat pengajian yang sama iaitu, Bacelor (A) ke Bacelor (B), pindahan kredit bagi kursus mobiliti – Berlakunya Pindah Kredit (Jam) dan Gred.

   Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK. Pemindahan kredit secara horizontal tertakluk kepada maksimum 50% daripada kredit bergraduat bagi pemindahan yang melibatkan program antara universiti. Bagi pertukaran program dalam Universiti pada peringkat pengajian yang sama, Dekan yang menerima pelajar akan menentukan jumlah jam kredit yang boleh dipindahkan.

## 1.1 PENGECUALIAN KURSUS

Pengecualian Kursus merujuk kepada sesuatu kursus dikecualikan ke atas pelajar di sepanjang tempoh pengajian. Namun demikian, jam kredit ke atas kursus yang dikecualikan perlu digantikan.

*Contoh:*
Situasi di mana pelajar terlibat dengan pengecualian kursus:-

(a) Pelajar lepasan Asasi Pertanian (ASPER) adalah diberi pengecualian kursus PRT2009 Pertanian dan Kehidupan (2 kr) tetapi bukan sebagai pemindahan kredit mulai ambilan pelajar sesi 2017/2018. Oleh demikian, pelajar perlu menggantikan kredit kursus berkenaan dengan kursus lain bagi melengkapi jumlah jam bergraduat.

- Kelulusan SENAT UPM ke-639 pada 12 Oktober 2017

## 1.2 PEMINDAHAN KREDIT

Pemindahan Kredit bermaksud sesuatu kursus yang setara atau sama dikecualikan pendaftaran tetapi kreditnya diambil kira sebagai memenuhi keperluan kredit program pengajian.

Manakala gred pula akan dipindahkan dalam Purata Nilaian Gred (PNG) atau Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) program pengajian sekiranya pelajar masih dalam sistem iaitu belum tamat pengajian program asal. Tarikh kuatkuasa adalah bermula pada Semester Pertama 2017/2018.

*Contoh:*
Situasi di mana pelajar terlibat dengan pemindahan kredit:-

(a) Pelajar mobiliti satu (1) semester yang telah menyertai Program Mobiliti satu semester di universiti luar boleh memohon pemindahan kredit dan gred daripada universiti mobiliti masing-masing setelah menerima keputusan. Walau bagaimanapun, keputusan pemindahan kredit ke atas kursus yang dimohon adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian Kesetaraan.

(b) Situasi di mana pertukaran program seorang pelajar semester tiga (3) dari Bacelor Sains Pertanian dengan Kepujian kepada Program Bacelor Pengurusan Perladangan dengan Kepujian juga boleh memohon pemindahan kredit. Sebarang kursus yang telah

diambil dalam Program Bacelor Sains Pertanian dengan Kepujian adalah sama dengan kursus dalam skema Program Bacelor Pengurusan Perladangan dengan Kepujian adalah layak untuk memohon pemindahan kredit.

## 2.0 SYARAT PENGECUALIAN KURSUS DAN PEMINDAHAN KREDIT

Fakulti Pertanian telah menetapkan pengecualian kursus dan pemindahan kredit adalah berdasarkan pertimbangan berikut:

(a) Kursus yang diguna sebagai asas pemindahan kredit mestilah **tidak melebihi 5 tahun** (pada tarikh permohonan) dari tarikh bergraduat;

(b) Gred minimum kelulusan **Kursus Teras** bagi Fakulti Pertanian adalah:-

  (i) Gred 'B+' bagi pemohon daripada Diploma, Matrikulasi, Asasi Sains Pertanian; dan
  (ii) Gred 'C' bagi pemohon daripada STPM.

(c) Gred minimum kelulusan **Kursus Universiti** adalah 'C' dan ke atas;

(d) Tiada pengecualian kursus dibenarkan ke atas **Kursus Elektif**;

(e) Pemindahan kredit bagi lepasan Diploma adalah terhad kepada pelajar daripada Diploma, Universiti Putra Malaysia-Kampus Bintulu sahaja.

## 3.0 TATACARA MELAKSANAKAN PERMOHONAN PENGECUALIAN KURSUS / PEMINDAHAN KREDIT DALAM SISTEM MAKLUMAT PELAJAR

(a) Rujuk **SENARAI PEMINDAHAN KREDIT**

(b) Permohonan adalah melalui Sistem Maklumat Pelajar (SMP) di alamat url http://www.smp.upm.edu.my

Klik pada **MENU >> MYBORANG >> PERMOHONAN BARU**

(c) **Perkara Akademik Prasiswazah (Pindaan) 2016. Perkara 10 (3).**

Semua permohonan pemindahan kredit perlu diselesaikan **selewat-lewatnya pada 22 Oktober 2021 – Fakulti Pertanian.**

(d) **Perkara Akademik Prasiswazah (Pindaan) 2016. Perkara 10 (4)**

Pemindahan kredit itu diasaskan kepada kursus demi kursus pengajian yang telah lulus dan tidak sebagai keseluruhan bagi sesuatu Program Pengajian. Pemindahan kredit sesuatu kursus pengajian **dibenarkan hanya sekali sahaja bagi sepanjang Program Pengajiannya.**

Sekiranya telah melepasi tempoh berkenaan, pelajar adalah perlu mengulangi kursus berkenaan bagi melengkapkan jam kredit bergraduat.

(e) Sertakan salinan keputusan ke atas kursus yang yang dimohon untuk pemindahan kredit. Salinan keputusan ini perlulah telah mendapat pengesahan daripada Penasihat Akademik masing-masing sebelum ianya dimuatnaik ke dalam sistem maklumat pelajar (SMP) dalam bentuk pdf.

(f) Bagi pengecualian melalui Pengalaman Kerja. Surat pengesahan majikan perlu disertakan sebagai dokumen sokongan.

**Nota :** Setiap permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan peraturan sedia ada dari semasa ke semasa.

## 4.0 TATACARA MELAKSANAKAN PINDAAN KREDIT BAGI KURSUS KATEGORI MASSIVE OPEN ONLINE COURSES [MOOCs]

"Massive Open Online Courses" atau lebih dikenali dengan singkatan MOOCs merupakan kursus di dalam talian yang disasarkan untuk penyertaan tidak terhad dan akses terbuka melalui internet. Dengan adanya MOOCs ianya secara tidak langsung telah memberi manfaat kepada sistem pendidikan tinggi Malaysia kerana berjaya mempertingkatkan kualiti pengajaran, mengantarabangsakan Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Terdapat tiga (3) kategori kursus yang ditawarkan oleh Malaysia MOOCs iaitu kursus umum, kursus tujahan (niche) dan kursus pembelajaran sepanjang hayat. Setakat ini, kursus Malaysia MOOCs adalah diiktiraf di Universiti Putra Malaysia sebagai kursus yang boleh dianugerahkan pemindahan kredit. Berikut adalah antara perkara yang perlu disediakan bagi tujuan permohonan pemindahan kredit:-

(a) Pelajar aktif (berdaftar) di UPM.

(b) Senarai kursus-kursus MOOC yang dipohon untuk tujuan pemindahan kredit. Sijil MOOC tidak melebihi tempoh sah laku lima (5) tahun. Sila lampirkan salinan sijil tamat kursus MOOC yang telah disahkan.

(c) Jenis sijil tamat MOOC:

  (i) Sijil kompetensi/pencapaian (certificate of competency/ achievement) kursus MOOC;

  (ii) Sijil Tamat (Certificate of Completion) kursus MOOC.

(d) Surat akuan bahawa sijil tamat kursus MOOC diperolehi tidak pernah digunakan bagi permohonan pindah kredit di UPM.

(e) Portfolio yang mengandungi maklumat seperti sinopsis kursus, hasil pembelajaran kursus (CLO), topik dan tempoh pembelajaran, berkaitan kursus MOOC yang telah diikuti.

## 5.0 SENARAI PENGECUALIAN KURSUS DAN PEMINDAHAN KREDIT

**BACELOR SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUJIAN**

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | JAM KREDIT | DIPLOMA | ASPER | STPM | MARTIKULASI | PENGALAMAN KERJA | GRED MINIMUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PRT2009 | Pertanian dan Kehidupan | 2(1+1) | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2 | AGR3001 | Amalan Ladang : Tanaman Makanan | 1(0+1) | CAG2012 dan AFS2001 | X | X | X | Mempunyai pengalaman bekerja selepas bergraduat dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun | B+ |
| 3 | AGR3002 | Amalan Ladang : Tanaman Perladangan | 1(0+1) | CAG1002, CAG1003 dan CAG2011 | X | X | X | | B+ |
| 4 | AGR3501 | Tanaman Perladangan | 2(2+0) | CAG2011, CAG1010, CAG1011, CFM2202, AHP2506, dan AHP2507 | X | X | X | X | B+ |
| 5 | AGR3502 | Tanaman Makanan | 2(2+0) | AFS2001 (Siri II) dan CAG2012 | X | X | X | X | B+ |
| 6 | PLP3104 | Entomologi Asas | 3(2+1) | CPP1601 dan CPP2602 | X | X | X | X | B+ |
| 7 | PRT200[illegible] | Pertanian dan [illegible] | 2([illegible]) | PRT2008 atau setara – C dan ke atas | X | X | X | X | [illegible] |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8 | SHW3002 | Pertanian Ternakan | 3(2+1) | AHP2507 atau AHP2502 dan AHP2506, DAN; AHP2502, AHP2506, AHP2508 (dua daripada tiga) | X | X | X | X | B+ |
| 9 | TKP3501 | Mekanisasi Pertanian dan Pengairan | 3(2+1) | CFM2402 dan EAB2602 | X | X | X | X | B+ |

| **BACELOR SAINS HORTIKULTUR DENGAN KEPUJIAN** | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **KOD KURSUS** | **NAMA KURSUS** | **JAM KREDIT** | **DIPLOMA** | **ASPER** | **STPM** | **MARTIKULASI** | **PENGALAMAN KERJA** | **GRED MINIMUM** |
| 1 | PRT2009 | Pertanian dan Kehidupan | 2(1+1) | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2 | HRT3411 | Pengeluaran Sayur-Sayuran | 2+0 | CAG1010, CAG2012, CPT2803, dan CHS2502 | X | X | X | X | B+ |
| 3 | HRT3420 | Amalan Ladang : Pengeluaran Buah-Buahan | 1(0+1) | CAG1010, CAG2012, dan CHS2502 | X | X | X | Mempunyai pengalaman bekerja selepas bergraduat dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun | B+ |
| 4 | AGR3002 | Amalan Ladang : Tanaman Perladangan | 1 (0+1) | CAG1002, CAG1003, dan CAG2011 | X | X | X | X | B+ |
| 5 | HRT3410 | Amalan Ladang : Pengeluaran Sayur-sayuran | 1(0+1) | AFS2001 (siri 1 & 5), CAG2012 (dua daripada tiga kursus)atau CAT2101 | X | X | X | Mempunyai pengalaman bekerja selepas bergraduat dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun | B+ |
| 6 | PLP3106 | Entomologi Tanaman Hortikultur | 2(1+1) | CPP1601 dan CPP2602 | X | X | X | X | B+ |
| 7 | PPT3301 | Prinsip Pengurusan dan Pemasaran Pertanian | 3(3+0) | PPT2201 dan MGM 2431 | X | X | X | X | B+ |

| BACELOR SAINS PENIAGAANTANI DENGAN KEPUJIAN | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **KOD KURSUS** | **NAMA KURSUS** | **JAM KREDIT** | **DIPLOMA** | **ASPER** | **STPM** | **MARTIKULASI** | **PENGALAMAN KERJA** | **Gred Minimum** |
| 1 | PRT2009 | Pertanian dan Kehidupan | 2(1+1) | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2 | PPT3702 | Keusahawanan Pertanian | 3(2+1) | CET2304 dan CET2305 | X | X | X | X | B+ |
| 3 | PPT3801 | Statistik Perniagaantani | 3(2+1) | SFM2003 | X | X | X | X | B+ |
| 4 | PPT4306 | Perniagaantani Digital | 3(2+1) | SCS2000 | X | X | X | X | B+ |
| 5 | PPT4702 | Keusahawanan Perniagaantani | 3(2+1) | CET2304 dan CET2305 | X | X | X | X | B+ |
| 6 | AGR3001 | Amalan Ladang : Tanaman Makanan | 1(0+1) | CAG2012 dan CAG1001 | X | X | X | Mempunyai pengalaman bekerja selepas bergraduat dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun | B+ |
| 7 | SHW3003 | Amalan Ladang : Pengeluaran Ternakan | 1(0+1) | AHP2502, AHP2506, AHP2508 (dua daripada tiga) | X | X | X | X | B+ |
| 8 | TKP3002 | Amalan Ladang : Akuakultur | 1(0+1) | FMA2006 | X | X | X | Mempunyai pengalaman bekerja selepas bergraduat dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun | B+ |
| 9 | EPT3102 | Ekonomi Pertanian | 3(2+1) | SEC1103 | X | X | X | X | B+ |
| 10 | PPT3302 | Prinsip Pemasaran Perniagaantani | 3(3+0) | SAB2408 | X | X | X | X | B+ |
| 11 | PRT3007 | Sistem Pengeluaran Pertanian | 3(3+0) | CAG2011 dan CAG2012 | X | X | X | X | B+ |

## BACELOR SAINS AKUAKULTUR DENGAN KEPUJIAN

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | JAM KREDIT | DIPLOMA | ASPER | STPM | MARTIKULASI | PENGALAMAN KERJA | GRED MINIMUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PRT2009 | Pertanian dan Kehidupan | 2(1+1) | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2 | AKU3601 | Kualiti Air & Tanah Dalam Akuakultur | 3(2+1) | FMA2004 | X | X | X | X | B+ |
| 3 | AKU3103 | Iktiologi | 3(2+1) | FMB1110 | X | X | X | X | B+ |
| 4 | AKU3201 | Prinsip Akuakultur | 3(2+1) | FMA2001 | X | X | X | X | B+ |
| 5 | AKU3401 | Pemakanan Akuakultur | 3(2+1) | FMA2003 | X | X | X | X | B+ |
| 6 | AKU3801 | Pasca Tuai Dalam Akuakultur | 2(1+1) | FMT2211 | X | X | X | X | B+ |

## BACELOR SAINS HAIWAN DENGAN KEPUJIAN

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | JAM KREDIT | DIPLOMA | ASPER | STPM | MARTIKULASI | PENGALAMAN KERJA | GRED MINIMUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PRT2009 | Pertanian dan Kehidupan | 2(1+1) | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2 | SHW3200 | Anatomi Dan Fisiologi Haiwan Domestik I | 3(2+1) | AHP2201, AHP2202 dan SFB1002 | X | X | X | X | B+ |
| 3 | SHW3405 | Sains Pastura | 3(2+1) | AHP2501, SFB1002 dan ASF2001 | X | X | X | X | B+ |
| 4 | SHW3104 | Pengurusan Kesihatan Haiwan | 3(2+1) | AHP2601,AHP2602, AHP2603,AHP2604 dan AHP2605 | X | X | X | X | B+ |

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | EPT3100 | Prinsip Ekonomi Pertanian | 3(3+0) | ECN1100 dan EPT1101 | X | Ekonomi | Ekonomi | X | B+ |
| 6 | PPT3301 | Prinsip Pengurusan dan Pemasaran Pertanian | 3(3+0) | PPT2201 dan MGM 2431 | X | X | X | X | B+ |
| 7 | SHW3403 | Pemakanan Haiwan Asas | 3(2+1) | AHP2401(SHW2402) dan AHP2402 (SHW2403) | X | X | X | X | B+ |

## BACELOR SAINS PENGURUSAN PERLADANGAN DENGAN KEPUJIAN

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | JAM KREDIT | DIPLOMA | ASPER | STPM | MARTIKUL ASI | PENGALAMAN KERJA | GRED MINIMUM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PRT2009 | Pertanian dan Kehidupan | 2(1+1) | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2 | AGR3502 | Tanaman Makanan | 2(2+0) | AFS2001 (Siri II) dan CAG2012 | X | X | X | X | B+ |
| 3 | PLP3104 | Entomologi Asas | 3(2+1) | CPP1601 dan CPP2602 | X | X | X | X | B+ |
| 4 | PRT2008 | Pertanian dan Manusia | 2(2+0) | PRT2008 atau setara – C dan ke atas | X | X | X | X | C |

| BACELOR TEKNOLOGI PERTANIAN PINTAR DENGAN KEPUJIAN | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BIL** | **KOD KURSUS** | **NAMA KURSUS** | **JAM KREDIT** | **DIPLOMA** | **ASPER** | **STPM** | **MARTIKULASI** | **PENGALAMAN KERJA** | **GRED MINIMUM** |
| 1 | PRT2009 | Pertanian dan Kehidupan | 2(1+1) | PRT2008 dan AFS2001 atau PRT2009 atau setara – C dan ke atas | PRT2008 / ASA0101 dan ASA0102 / ASA0103 | X | X | X | C |
| 2 | TKP3501 | Mekanisasi Dan Perairan | 3(2+1) | EAB2602 | X | X | X | X | B+ |
| 3 | TKP3201 | Pengembangan Pertanian | 3(2+1) | CES2241 | X | X | X | X | B+ |

**Catatan:** Pelajar perlu memohon terus dalam sistem bagi mendapatkan kelulusan pemindahan kredit bagi **Kursus Universiti.**

Nota : Senarai kursus

| BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS | BIL | KOD KURSUS | NAMA KURSUS |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | AFS2001 | PROGRAM BUKU HIJAU | 29 | CFM2402 | KESELAMATAN DALAM PENGURUSAN OPERASI PERLADANGAN |
| 2 | AHP2201 | FISIOLOGI HAIWAN | 30 | CHS2502 | PENGELUARAN TANAMAN HORTIKULTUR |
| 3 | AHP2202 | ANATOMI HAIWAN | 31 | CPP1601 | PENGENALAN KEPADA PEROSAK TANAMAN |
| 4 | AHP2401 | PRINSIP PEMAKANAN TERNAKAN | 32 | CPP2602 | PENGURUSAN PEROSAK TANAMAN |
| 5 | AHP2402 | TEKNOLOGI MAKANAN TERNAKAN | 33 | CPT2803 | PENGENDALIAN DAN PEMPROSESAN HASIL TANAMAN |
| 6 | AHP2501 | SAINS FORAJ | 34 | EAB2602 | JENTERA PERTANIAN DAN PENJENTERAAN |
| 7 | AHP2502 | PRODUKSI POLTRI | 35 | ECN1100 | EKONOMI ASAS |
| 8 | AHP2506 | PRODUKSI RUMINAN | 36 | EPT1101 | PENGENALAN KEPADA EKONOMI PERTANIAN |
| 9 | AHP2507 | PENGELUARAN DAN PEMPROSESAN HASIL TERNAKAN | 37 | EPT1301 | PENGENALAN PEMASARAN PERTANIAN |
| 10 | AHP2508 | PENGURUSAN HASILAN TERNAKAN | 38 | EPT2201 | PENGURUSAN LADANG |
| 11 | AHP2601 | PENGENALAN KESIHATAN HAIWAN | 39 | FMA2001 | PRINSIP AKUAKULTUR |
| 12 | AHP2602 | KESIHATAN HAIWAN LANJUTAN | 40 | FMA2003 | PEMAKANAN IKAN |
| 13 | AHP2603 | KESIHATAN AWAM VETERINAR | 41 | FMA2004 | PENGURUSAN KUALITI AIR DAN TANAH |
| 14 | AHP2604 | PENYAKIT HAIWAN | 42 | FMA2006 | TEKNOLOGI AKUAKULTUR |
| 15 | AHP2605 | AMALAN PERUBATAN VETERINAR | 43 | FMB1110 | BIOLOGI IKAN |
| 16 | ASA0101 | PENGENALAN KEPADA INDUSTRI PERTANIAN | 44 | FMB1111 | BIOLOGI INVERTEBRAT AKUATIK |
| 17 | ASA0102 | PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN | 45 | FMB2110 | EKOLOGI AKUATIK |
| 18 | ASA0103 | KEUSAHAWANAN DAN PEMASARAN PERTANIAN | 46 | FMM2312 | LIMNOLOGI DAN OSEANOGRAFI |
| 19 | CAG1002 | AMALAN PERLADANGAN TANAMAN SAKA | 47 | FMT2211 | TEKNOLOGI PASCA TUAI DAN PEMPROSESAN PRODUK PERIKANAN |
| 20 | CAG1003 | AMALAN PERLADANGAN KELAPA SAWIT | 48 | CAG1001 | AMALAN PERLADANGAN TANAMAN TAHUNAN |
| 21 | CAG1010 | SAINS TANAMAN ASAS | 49 | MGM2431 | PEMASARAN PERNIAGAANTANI |
| 22 | CAG2011 | PENGELUARAN TANAMAN INDUSTRI | 50 | PPT2201 | PENGURUSAN PERNIAGAANTANI |
| 23 | CAG2012 | PENGELUARAN TANAMAN MAKANAN | 51 | PRT2008 | PERTANIAN DAN MANUSIA |
| 24 | CAT2101 | TEKNOLOGI PENANAMAN SECARA ORGANIK | 52 | SAB2408 | PEMASARAN PERNIAGAANTANI |
| 25 | CES2241 | PENGEMBANGAN PERTANIAN | 53 | SCS2000 | APLIKASI KOMPUTER DALAM PERTANIAN |
| 26 | CET2304 | KEUSAHAWANAN AGROTEKNOLOGI | 54 | SEC1103 | PRINSIP EKONOMI |
| 27 | CET2305 | PROJEK KEUSAHAWATANI | 55 | SFB1002 | PRINSIP BIOLOGI FUNGSIAN |
| 28 | CFM2202 | PRINSIP PENGURUSAN LADANG | 56 | SFM2003 | BIOSTATIK |



PEJABAT AKADEMIK, HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
FAKULTI PERTANIAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 UPM SERDANG SELANGOR DARUL EHSAN

www.agri.upm.edu.my